

15 OCT 2001

Mahathir-Pengganas

ATASI KEGANASAN DENGAN CARA TAWAN HATI RAKYAT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah-langkah untuk menangani masalah keganasan meliputi pendekatan menawan hati dan pemikiran rakyat supaya tidak menyokong kegiatan pengganas.

Perdana Menteri berkata pendekatan itu yang digunakan oleh Malaysia dalam menghadapi ancaman pengganas komunis pada suatu ketika dahulu.

"Di Malaysia dahulu apabila kita menghadapi pengganas (komunis) kita bukan sahaja perang dengan mereka, kita juga melancarkan satu serangan untuk menawan hati dan pemikiran rakyat supaya tidak menyokong pengganas dan apabila kita mengetahui tentang rintihan rakyat kita mengatasinya dengan memberi atau membuat sesuatu untuk mereka tidak lagi berasa terasing," katanya.

Beliau menyatakan perkara itu ketika ditemuramah dalam rancangan "Khas Bersama Perdana Menteri" yang membincangkan isu semasa mengenai kesan serangan 11 Sept di Amerika Syarikat ke atas ekonomi, politik dan keselamatan negara. Rancangan itu disiarkan menerusi RTM malam ini.

Dr Mahathir berkata antara langkah yang telah diambil oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman ketika itu ialah memberi lebih satu juta kerakyatan kepada orang yang tinggal di Malaysia tetapi tidak mempunyai hak kerakyatan.

Malaysia, katanya, turut mengambil berbagai-bagai tindakan untuk menyelamatkan orang yang terdedah kepada keganasan dengan memberi peluang kepada mereka untuk tinggal tetap di kawasan tertentu, berniaga dan bekerja.

"Dengan itu mereka tidak lagi berasa mereka tertekan ataupun dipinggirkan dan mereka tidak menyokong pengganas. Sebab itu kita dapat mengalahkan pengganas bukan semata-mata kerana tindakan ketenteraan tetapi dengan cara apa yang dikatakan 'winning the heart and mind of the people' secara psikologi," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak bersetuju dengan cara memerangi sesebuah negara untuk menghapuskan keganasan dan pengganas kerana berpendapat bahawa ia tidak akan berjaya menumpaskan pengganas sebaliknya usaha perlu dibuat untuk mengetahui sebab-sebab keganasan dilakukan dan cuba sedikit sebanyak menghapuskan sebab-sebab itu.

"Pendirian kita agak jelas iaitu kita tidak setuju dengan cara mengganas, tak setuju pengganas dalam apa juga perjuangan.

"Mungkin ada yang berjuang untuk memerdekakan negara mereka, tetapi ada tindakan-tindakan yang dianggap sebagai ganas iaitu bukan melawan dengan pihak-pihak yang menindas tetapi menyebabkan kematian dan kecederaan orang yang tidak bersalah, itu adalah suatu tindakan yang ganas," katanya.

Perdana Menteri berkata bahawa di negara seperti Malaysia di mana peluang untuk menukar kerajaan dibenarkan melalui sistem demokrasi, tidak ada sebab kenapa cara-cara lain seperti mengganas perlu digunakan.

Dalam menghadapi ancaman baru oleh kumpulan militan/ekstrimis sekarang, katanya, apa yang penting sekarang ialah mengadakan perisikan dan mengetahui lebih awal tentang gerakan-gerakan seperti itu supaya tindakan awal dapat dibuat bagi mengelakkan ia daripada berkembang.

"Bertindak awal di sini bermakna kita boleh masukkan mereka dalam tahanan seperti yang kita buat di bawah ISA supaya mereka tidak boleh meneruskan rancangan mereka.

"Kita juga perlu maklumat. Kita tahu tentu ada orang yang mempunyai

maklumat berkenaan dengan mereka ini. Malangnya ia tak disampaikan kepada kerajaan. Jika tak kerana penyelidikan yang dibuat polis kita mungkin tak dapat maklumat ini," katanya.

Menyentuh soal modus operandi keselamatan Malaysia yang dilihat seolah-olah kurang berkesan sejak kebelakangan ini seperti kegagalan mengesan kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM), sehingga anggota kumpulan itu ditangkap dalam cubaan merompak sebuah bank di Lembah Klang baru-baru ini, Dr Mahathir bersetuju dengan pandangan itu.

"Saya bersetuju juga bahawa operendus kita ini tidak begitu berkesan dalam mengesan kegiatan yang seperti ini. Demikian juga dengan kes al-Ma'unah, apabila dilihat sekumpulan membuat latihan kita anggap ini adalah perkara biasa kerana di Malaysia terdapat banyak kumpulan seperti ini.

"Dengan ini kita tidak membuat apa-apa sehingga mereka membuat tindakan termasuk membunuh. Ini amat menyedihkan kita tetapi sekarang ini jentera kita ditingkatkan dan diberi tugas yang lebih utama," katanya.

Pihak berkuasa, katanya, tidak lagi menganggap sebagai remeh sebarang laporan yang mereka perolehi.

"Mereka perlu buat penyelidikan dan apabila membuat penyelidikan ramai yang akan menentang, yang kononnya menghalang kebebasan rakyat. Tetapi soalnya ialah apa kita utamakan, keselamatan atau kebebasan segelintir orang?" katanya.

Perdana Menteri berkata bahawa pada suatu masa dulu Malaysia dikecam habis-habisan kerana menggunakan ISA yang dikatakan menyekat kebebasan, tetapi apabila Amerika Syarikat mewujudkan semua perintah eksekutif yang membolehkan orang dibunuh hanya atas syak wasangka, kritikan itu menjadi tertebus.

"Amerika atau mana-mana negara apabila berada dalam keadaan tidak selamat, mereka akan anggap tindakan untuk menyelamatkan orang yang tidak selamat seperti kita dulu, sebagai satu tekanan, penindasan tetapi apabila perkara yang sama berlaku kepada mereka, tentulah timbul kesedaran bahawa mereka juga harus menggunakan cara yang sedemikian," katanya.

Dr Mahathir berkata pengganas perlu ditakrifkan dengan betul untuk menentukan siapakah yang sebenarnya dikatakan pengganas, sama ada mereka orang Islam atau bukan Islam.

"Penganas perlu dikenal pasti walaupun mereka tidak menyerang Amerika Syarikat, tetapi pihak lain, mereka juga mesti dianggap sebagai pengganas termasuk orang yang meletupkan bom di Oklahoma, dia juga pengganas.

"Kita dapati banyak lagi pengganas yang terdiri bukan sahaja daripada orang Islam tetapi juga orang bukan Islam dan mereka patut disenaraikan kalau bukan oleh pihak Amerika, oleh pihak lain.

"Di Malaysia ini kita tahu siapa yang berhajat untuk mengganas, sebab itu kita telah ambil tindakan," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau berpendapat antara isu yang menyebabkan berlakunya keganasan ialah soal-soal yang berkaitan Palestin, Chechnya, Iraq, Sudan dan Libya.

"Langkah-langkah perlu dibuat untuk mengatasi sebab-sebab itu," katanya.

-- BERNAMA
AFY AKT MAI